



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 2 Tahun 2013

PEMAKLUMAN KEBERADAAN PEMEGANG BIASISWA SEMASA MEMBENTANG KERTAS KERJA DARI MALAYSIA KE LUAR NEGARA ATAU DARI LUAR NEGARA KE MALAYSIA ATAU NEGARA SELAIN TEMPAT PENGAJIAN

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi panduan berhubung keberadaan pemegang biasiswa sebelum dan selepas membentangi kertas kerja di Malaysia (bagi pengajian di luar negara) atau di luar negara (bagi pemegang biasiswa di Malaysia atau negara selain dari tempat pengajian) bagi pemegang biasiswa staf atau Tenaga Pengajar Muda (TPM) Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Induk) (JKLPS(I)) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) meluluskan pembentangan kertas kerja sekali sepanjang tempoh pengajian bagi pemegang biasiswa peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD).

3. Kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah meliputi sehari sebelum dan sehari selepas persidangan. Walaubagaimanapun, terdapat pemegang biasiswa yang memohon tiket lebih awal, memohon untuk berada lebih masa atas tujuan selain dari membentangi kertas kerja seperti untuk berjumpa Dekan (bagi pemegang biasiswa di luar Negara yang membentangi kertas di Malaysia) bagi memaklumkan status pengajian dan memohon berada lebih lama di tempat persidangan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengajian mereka.

4. Mesyuarat JKLP(S) ke-259 pada 18.12.2012 telah membuat keputusan keberadaan pemegang biasiswa semasa membenteng kertas kerja di Malaysia (bagi pengajian di luar negara) atau di luar negara (bagi pemegang biasiswa di Malaysia atau negara selain dari tempat pengajian) adalah maksima tujuh (7) hari yang meliputi hari penerbangan pergi, hari persidangan dan hari penerbangan balik.

5. Perkiraan tujuh (7) hari tersebut adalah termasuk hari Sabtu dan Ahad, Hari Cuti Umum dan Hari Kelepasan Am dan hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum pada sesuatu masa.

TUJUAN PELAKSANAAN

6. Garis Panduan ini adalah pemakluman kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pemegang biasiswa serta panduan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) bagi keberadaan pemegang biasiswa semasa membenteng kertas kerja ketika dalam pengajian.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 10 Januari 2013.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 18 Disember 2012.


PROF. DR AZNI ZAIN AHMED
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

Bil. Fail : 100-BPD(JPbSM.6/4)